

PENGURUSAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN

LEMBARAN FAKTA



International Union for the Conservation of Nature (IUCN) mendefinisikan **kawasan terlindung** sebagai "ruang geografi yang **jelas, diiktiraf, didedikasikan** dan diurus melalui undang-undang atau cara lain yang berkesan, untuk mencapai **pemuliharaan** jangka panjang alam semula jadi beserta perkhidmatan ekosistem dan nilai budaya yang berkaitan.

Kawasan Perlindungan Marin atau '*Marine Protected Area (MPA)*' adalah zon di lautan di mana kerajaan telah di mana kerajaan telah menghadkan aktiviti tertentu. Ini dilakukan untuk mengurus dan memulihara biodiversiti dan sumber di kawasan tersebut.


Terdapat lebih daripada 5,000 MPA di seluruh dunia. Kawasan ini boleh mempunyai banyak nama yang berbeza, termasuk taman marin, rizab marin, kawasan perlindungan marin, dan juga zon larangan. Setiap satunya mempunyai matlamat yang berbeza.

Kebanyakannya membenarkan penggunaan kawasan dengan cara yang **tidak memusnahkan alam sekitar** manakala sesetengah adalah kawasan larangan.

Faedah Kawasan Perlindungan Marin


Berikut adalah beberapa faedah dari kawasan perlindungan marin:

PERLINDUNGAN




Perlindungan habitat, tapak pembiakan dan semaian bagi kemandirian pelbagai spesies marin

BIODIVERSITI



Pemeliharaan kepelbagaian hidupan marin dan pelbagai ekosistem (bakau, rumput laut, terumbu karang, hutan kelp)

PENGURUSAN ANCAMAN



Pengurusan ancaman (penangkapan ikan berlebihan, pencemaran) akan menyokong kesihatan ekosistem marin, untuk menghadapi perubahan iklim dengan lebih baik

KOMUNITI SETEMPAT



Sokong komuniti pesisiran pantai melalui:
- pengurusan populasi ikan (mata pencarian nelayan)
- mewujudkan pekerjaan dan pendapatan melalui eko-pelancongan



Apa yang sedang berlaku?

Walaupun kawasan perlindungan marin ada di seluruh dunia, terdapat banyak faktor yang menghalangnya daripada mencapai matlamat pemuliharaan:

- reka bentuk tidak sesuai; saiz terhad
- perancangan atau pengurusan kawasan yang kurang sesuai
- kemerosotan ekosistem sekitar yang tidak dilindungi
- tiada perlindungan sebenar berlaku
- perpindahan komuniti dan hasil pengurusan yang tidak diingini
- kurang pematuhan (aktiviti dilarang)
- kurang penglibatan pihak pemegang taruh



Kaedah pengurusan Kawasan Perlindungan Marin yang lebih baik

Bagi mencapai kejayaan ekologi dan sosial, pengurusan kawasan perlu mengambil kira banyak faktor yang menyumbang kepada keberkesanannya, serta faktor-faktor yang mungkin menyebabkan kegagalan. Berikut adalah beberapa cadangan yang boleh menyumbang kepada pengurusan yang lebih efektif:

- pengurusan bersama (kerjasama antara kerajaan dan pihak berkepentingan lain) atau pengurusan inklusif
- memastikan perlindungan adalah untuk jangka panjang (sebaik-baiknya, 20 tahun atau lebih)
- memahami tekanan terhadap ekosistem, dan berusaha ke arah mengurangkannya
- mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan marin dalam rangka kerja pengurusan lebih luas
- pendekatan pengurusan berasaskan ekosistem - mempertimbangkan keseluruhan ekosistem, termasuk manusia
- mengenal pasti kawasan kritikal, memerlukan perlindungan tambahan (cth: warta sebagai zon larangan)
- Mengenal pasti dan mempertimbangkan aspek sosial, budaya, dan ekonomi

Contoh kawasan yang diuruskan dengan baik

1. Galápagos Marine Reserve

- melindungi rangkaian pulau kecil dan perairan sekitarnya
- pelbagai habitat, yang menempatkan 3,000 spesies tumbuhan dan haiwan yang berbeza

2. Sugud Islands Marine Conservation Area (SIMCA)

- Kawasan pemuliharaan marin yang pertama diuruskan secara persendirian, di Sabah, Malaysia.
- Terletak dalam lingkungan *Coral Triangle*
- Tiga pulau dan air sekitarnya, terumbu pantai cetek, padang rumput laut dan dasar berpasir.
- Disenaraikan sebagai *IUCN Category II Conservation Area* pada tahun 2001

Apakah jalan penyelesaian?

Terdapat pelbagai prinsip bagimencapai objektif biodiversiti, perikanan dan perubahan iklim dalam kawasan perlindungan marin. Setiap prinsip digunakan dengan pertimbangan yang diberikan kepada keperluan khusus kawasan tersebut.

MELARANG AKTIVITI YANG MEROSAK

01

Ini dapat membantu meningkatkan kesihatan, produktiviti dan daya tahan kawasan tersebut, meningkatkan manfaat kepada masyarakat setempat dan orang lain di sekelilingnya.

MENGURANGKAN DAN MENGELAKKAN ANCAMAN TEMPATAN

06

Kawasan perlindungan sepatutnya jauh daripada tekanan seperti pencemaran dan aktiviti manusia yang merosakkan. Jarak ini menyumbang kepada daya tahan perubahan iklim, serta kesihatan ekosistem dan produktiviti perikanan yang lebih baik.

MENGAMBIL KIRA HABITAT KRITIKAL

02

Kawasan kritikal termasuk kawasan pemakanan dan pembiakan yang penting, serta koridor migrasi. Kekurangan perlindungan boleh mengurangkan populasi ikan dengan cepat dan menjejaskan mata pencarian.

SERTAKAN TAPAK BERDAYA TAHAN

07

Contoh kawasan:

- pelindung habitat dan spesies utama
- pernah menahan perubahan persekitaran pada masa lalu
- habitat persisiran pantai yang boleh berkembang ke kawasan pedalaman bersebelahan apabila paras laut meningkat.

PERLINDUNGAN JANGKA PANJANG

03

Ini akan membolehkan spesies dan habitat pulih daripada tekanan, mengekalkan kesihatan ekosistem dan faedah perikanan. Perlindungan kekal adalah dinasihatkan jika ia boleh dilaksanakan.

SERTAKAN TAPAK KHAS ATAU UNIK

08

- habitat spesies unik, terancam atau endemik
- kawasan dengan biodiversiti tinggi
- habitat terpencil dengan populasi unik

KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN PELBAGAI GUNA

04

Benarkan tahap perlindungan yang berbeza dalam zon yang berbeza. Contohnya: zon penggunaan tradisional masyarakat; zon larangan; zon pelancongan; zon perikanan dan marikultur lestari

SAIZ KAWASAN YANG BERBEZA

05

Ini bergantung pada hasil atau matlamat yang diingini setiap kawasan perlindungan marin, contohnya:

- pengurusan perikanan: rizab yang lebih kecil
- pemuliharaan: rizab yang lebih besar

Prinsip-prinsip ini boleh dipertimbangkan dan digunakan untuk pengurusan sumber marin asas dalam kawasan perlindungan marin. Di sini, kami tidak membincangkan dan mengambil kira sepenuhnya pertimbangan lain seperti sosial, ekonomi dan politik untuk rangkaian kawasan perlindungan marin yang berkesan, tahan untuk jangka masa panjang dan mampan.

Terdapat banyak prinsip dan amalan lain yang perlu dipertimbangkan untuk membolehkan kawasan perlindungan marin mencapai potensi penuh dan matlamat akhir.



Seruan untuk Bertindak

Pengurusan MPA di Malaysia boleh dibangunkan dalam beberapa cara, yang kebanyakannya memerlukan penyertaan dan sumbangan pihak pemegang taruh yang penting. Berikut adalah beberapa aspek yang boleh dipertimbangkan semasa membincangkan cara untuk membangunkan kawasan perlindungan marin di Malaysia:

- Memperkenalkan pengurusan bersama dalam Taman Laut; mengadakan perundingan dengan komuniti tempatan dan pengguna lain di kawasan perlindungan; menggalakkan penyertaan tempatan yang aktif dalam pengurusan
- Benarkan zon penggunaan komuniti untuk komuniti tempatan, dengan penetapan aktiviti yang tidak merosakkan persekitaran marin. Contoh: kawasan memancing dengan mata kail untuk kegunaan peribadi.
- Menyiasat ketersambungan antara Taman Laut individu; mewujudkan rangkaian Taman Laut untuk memastikan koridor perhubungan dilindungi dan meningkatkan daya tahan Taman Laut.

Gambaran Kejayaan

Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal (*Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework*) yang dipersetujui baru-baru ini menyediakan peta jalan untuk mengukuhkan pengurusan biodiversiti marin di Malaysia. Sasaran utama yang perlu diberi tumpuan ialah:

Sasaran 3: melindungi 30% kawasan persisiran dan marin

Meningkatkan kawasan biodiversiti marin Malaysia yang dilindungi; dan mengukuhkan pengurusan kawasan perlindungan marin yang sedia ada

Sasaran 14: Perlaksanaan

Memastikan integrasi penuh biodiversiti dan pelbagai nilainya ke dalam dasar, peraturan, perancangan dan proses pembangunan.

Sasaran 22: IPLC (*Indigenous Peoples and Local Communities*)

Memastikan perwakilan dan penyertaan Orang Asal dan Komuniti Tempatan dalam pengurusan sumber marin

RUJUKAN: Revisiting “Success” and “Failure” of Marine Protected Areas: A Conservation Scientist Perspective
<https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fmars.2018.00223/full>
<https://coral.org/en/blog/what-is-a-marine-protected-area-mpa/>
<https://reefresilience.org/management-strategies/marine-protected-areas/>
<https://education.nationalgeographic.org/resource/importance-marine-protected-areas/>
<https://news.mongabay.com/2018/01/the-ups-and-downs-of-marine-protected-areas-examining-the-evidence>
https://reefresilience.org/pdf/PractitionerGuide_FINAL_031113.pdf/
<https://www.pewtrusts.org/en/research-and-analysis/fact-sheets/2018/10/the-case-for-marine-protected-areas>

APAKAH YANG DILAKUKAN OLEH REEF CHECK MALAYSIA (RCM)?

Biodiversiti

RCM membantu melindungi biodiversiti marin melalui program tindakan pemuliharaan yang dilaksanakan bersama komuniti tempatan.

Komuniti

RCM bekerjasama dengan komuniti di beberapa lokasi untuk membina kapasiti dalam pengurusan, terutamanya dalam kawasan Taman Laut. Kami menyokong lebih banyak penyertaan tempatan dalam pengurusan.

Pelan pengurusan

Bersama Jabatan Perikanan, RCM telah merangka pelan pengurusan berasaskan daya tahan untuk beberapa Taman Laut.